



Harian Metro

03-Jun-2011

Page: 57

Business & Finance

By: >>Oieh Helmy Abd Rahman ~ Nv~

Market: Malaysia

Circulation: 336603

Type: Malaysia - Malay Newspapers

Size: 211.69 sq.cms

Frequency: MTWTFS

Angkat taraf Bursa Malaysia



>>Oieh Helmy Abd Rahman

helmy@hmetro.com.my

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM Holdings), pengeluar gula terbesar di negara ini yang bakal disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia 28 Jun ini menawarkan sehingga 234,564,700 saham kepada pelabur Malaysia termasuk golongan Bumiputera dan institusi asing.

Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 11.5 peratus saham syarikat dimiliki Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (Felda) akan diperuntukkan kepada golongan pelabur Bumiputera.

Mengulas penyenaraian itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, ia mampu mengangkat taraf Bursa Malaysia di kalangan golongan pelabur antarabangsa.

Selain itu, katanya, penyenaraian berkenaan boleh mencergaskan semula pasaran modal di negara ini.

"Penyenaraian MSM Holdings di Bursa Malaysia sememangnya dinantikan dan akan meningkatkan lagi

kualiti pasaran modal di negara ini secara keseluruhan.

"Ini kerana kecairan dan saiz tawaran awam agak besar seperti ini tentunya akan menarik minat bukan saja pelabur tempatan, malah antarabangsa," katanya pada ucaptama sebelum melancarkan prospektus penyenaraian MSM Holdings di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, Koperasi Permodalan Felda (KPF), syarikat koperasi yang dianggotai oleh peneroka dan warga kerja Felda akan memegang kira-kira 20 peratus saham di dalam MSM selepas penyenaraian terbabit.

"Bukan sajalah penyenaraian ini dapat meningkatkan pa-

saran modal bagi menyokong pengembangan MSM Holdings, malah paling penting, ia memberi manfaat besar kepada 112,636 keluarga peneroka Felda di seluruh negara.

"Dalam erti kata lain, masyarakat peneroka berpeluang untuk secara tidak langsung mempelbagaikan dan menikmati pulangan yang dicapai MSM Holdings hasil matlamat menjana keuntungan dari pasarnya," katanya.

MSM adalah peneraju pengeluar gula di negara ini. Felda mengambil alih MSM dan perniagaan berkaitannya dari PPB Group Bhd pada harga RM1.25 bilion tahun lepas.